

# BETA-N CREAM

Neomycin Sulphate/Betamethasone-17-valerate (0.5% w/w/0.1% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Beta-N
2. Bagaimana Beta-N berfungsi
3. Sebelum mengambil Beta-N
4. Cara mengambil Beta-N
5. Semasa menggunakan Beta-N
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Beta-N
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan Beta-N

Beta-N digunakan untuk mengurangkan kemerahan dan kegatalan akibat sesetengah masalah kulit. Masalah kulit ini termasuk kulit gatal, kulit kemerah-merahan dan gatal (ekzema alergi), gatal-gatal yang teruk atau kulit kemerah-merahan yang mempengaruhi kawasan dubur dan kelamin dan ruam pada kulit kepala, di mana jangkitan mungkin menjadi masalah.

## Bagaimana Beta-N berfungsi

Ia mengandungi betamethasone-17-valerate, steroid dengan sifat anti-keradangan dan anti-kegatalan. Ia disapu di atas kulit untuk mengurangkan kemerahan dan kegatalan akibat daripada masalah kulit. Neomycin adalah sejenis antibiotik yang membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan kulit

## Sebelum menggunakan Beta-N

### -Bila tidak boleh menggunakan

- Alah terhadap neomycin, betamethasone, steroid-stroid lain dan kandungan di dalam produk ini.
- Dalam jangkitan bakteria kulit, jangkitan kulat, jangkitan virus, cacar air, cacar air dan dalam jangkitan lain pada kulit.

### -Sebelum menggunakan ubat ini

*Mengandung dan menyusukan anak*  
Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk

mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

## Cara mengambil Beta-N

### -Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan Beta-N seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

## Dos biasa

Sapukan lapisan nipis pada kawasan kulit yang terjejas satu hingga tiga kali sehari.

Apabila perlu dicairkan, krim yang telah dicairkan tidak boleh digunakan dua minggu selepas disediakan.

### -Bila perlu diambil

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan Beta-N seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

### -Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Beta-N

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Beta-N.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melanjang diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Beta-N dengan sesebuah, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Potensi berbahaya akibat toksik pada buah pinggang dan toksik pada telinga. Penggunaan dengan jumlah yang banyak untuk rawatan jangkitan kulit akibat luka terbakar yang teruk, ulser yang tidak menyakitkan yang menembusi jauh ke dalam atau melalui kulit, dan keadaan lain untuk tempoh yang lama perlu dielakkan kerana kemungkinan penyerapan neomycin.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Beta-N boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Jika kesan-kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat ini dan rujuk doktor.

Beritahu doktor anda jika anda dapat mana-mana kesan sampingan berikut atau mengalami apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Penyembuhan luka terjejas, kulit nipis, tompokan kecil berwarna merah/ungu di kulit dan perubahan warna kulit, kemerahan pada muka, peningkatan berpeluh dan tindak balas pada ujian kulit mungkin terjadi akibat betamethasone.
- Tindak balas alergik akibat neomycin termasuk gatal-gatal, ruam dan kemerahan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [nprra.moh.gov.my](http://nprra.moh.gov.my)  
*(Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI).*

**Cara penyimpanan dan pelupusan Beta-N**

**-Penyimpanan**

Pastikan penutup ditutup ketat. Simpan antara 15-30°C. Lindungi daripada beku, haba dan cahaya terus.

**-Pelupusan**

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

**-Rupa dan warna produk**

Krim putih

**-Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif

Neomycin Sulphate and Betamethasone-17-valerate.

- Bahan-bahan tidak aktif

Cetomacrogol, Cetosteryl alcohol, White soft paraffin, Liquid paraffin, Methyl Paraben, Propyl Paraben and Distilled water.

**-Nomor MAL**

MAL19860243AZ

**Pengilang dan Pemegang**

**Pendaftaran Produk**

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park  
Phase 4, 11900 Penang,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RIMUP**

02/04/2018

**Nombor Siri**

NPRA(R4/1)300318/00087